



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.14/ 2018

TIADA PRK BAGI KEKOSONGAN KERUSI DEWAN RAKYAT P.084, PAYA BESAR, PAHANG

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada 14 Februari 2018 (Rabu) telah menerima pemakluman rasmi daripada Yang Dipertua Dewan Rakyat, Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin bin Hj Mulia berhubung dengan kekosongan kerusi Dewan Rakyat P.084 Paya Besar berikutan kematian penyandanginya Yang Berhormat Dato' Sri Abdul Manan bin Ismail pada 12 Februari lalu.

2. Sehubungan dengan itu, di bawah Perkara 54(1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa jika kekosongan luar jangka dipastikan dalam tempoh dua tahun dari tarikh Parlimen akan terbubar maka kekosongan luar jangka itu tidak boleh diisi, melainkan jika Yang Dipertua Dewan Rakyat memberitahu SPR secara bertulis akan keperluan pengisian kekosongan luar jangka tersebut.

3. Berdasarkan surat pemakluman rasmi yang diterima, Yang Dipertua Dewan Rakyat tidak menyatakan keperluan untuk mengisi kekosongan luar jangka itu. Oleh itu, SPR memutuskan bahawa **TIADA** Pilihan Raya Kecil (PRK) dijalankan bagi mengisi kekosongan kerusi Parlimen P.084 Paya Besar selaras dengan peruntukan Perkara 54(1) Perlembagaan Persekutuan yang dinyatakan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

PUTRAJAYA

Tarikh: 15 Februari 2018/ 29 Jamadil Awwal 1439H